



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



MAJLIS SANTAPAN/JAMUAN MALAM

SEMPENA

PELANCARAN **MYGIFT** UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

DISEMPURNAKAN OLEH

KERMAH DULU YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG

LG
173
.P2
M35
2016
s

OKTOBER 2016 (SABTU) | 8:00 MALAM

GRAND BALLROOM MANDARIN ORIENTAL,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

113755

06 OCT 2016

Daulat Tuanku



PERPUSTAKAAN UMP




0000113755



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	
No. Perolehan 113755	No. Panggilan LG 173 P2 m35 2016 5
Tarikh 06 OCT 2016	

**KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN
AL-MU'ADZAM SHAH**

DKP, DK., DKM., SSAP, SIMP, DMN., DK (Perak)., DK (Johor)., DK (Kelantan)., DK (Terengganu).,DK (Perlis)., DK (Kedah)., DKMB., DK (Brunei)., DK (Negeri Sembilan)., DK (Selangor)., Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia)., Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait)., Grand Order of The Mugunghwa (South Korea)., Hon. D.Litt. (Malaya)., LLD. hc. (Northrop USA)., Hon. D.Sc. (Bedfordshire, UK)., Hon. PhD. (Civil Engineering) (Universiti Malaysia Pahang)





**DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH PAHANG
SULTANAH HAJJAH KALSOM, DK.**





**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGGU MAHKOTA PAHANG
TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

DK., SSAP, SIMP., DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ., PAT.
Canselor Universiti Malaysia Pahang





**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGGU PUAN PAHANG
TUNKU HAJJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL 'ALALLAH SULTAN
ISKANDAR AL-HAJ**

DK., DK (Johor)., SPMJ.







**YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG
DATO' SRI DIRAJA DR. HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

SDSA., SSAP., DSAP., DGSM



**YANG BERTHORMAT MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH**

SSMZ., DPMT., PJK

Kata Alu-aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



Assalamualaikum wbt dan salam sehat! sejiwa.

Sesungguhnya saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) atas penganjuran Majlis Santapan /Jamuan Malam sempena Pelancaran *MyGift* UMP ini.

UMP telah memperoleh status autonominya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi pada 11 Ogos 2015 di mana kelestarian kewangan merupakan salah satu ciri utama bagi mendokong autonomi. Maka, di atas kesedaran inilah, *MyGift* diilhamkan.

Dalam konteks *MyGift* UMP ini, endowmen telah wujud sejak sekian lama khususnya bagi universiti-universiti lama dan ternama dunia seperti Harvard, Oxford dan Yale. Dengan kata lain, tabung endowmen adalah 'mengumpul dana' melalui sumbangan alumni, wakaf korporat, keuntungan pelaburan strategik IPT dan derma orang kaya. Sumbangan sebegini akan 'mengembalikan wang' ke dalam bentuk biasiswa dan bantuan kepada pelajar dan membantu untuk menjayakan kegiatan yang dijalankan oleh pihak universiti.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang khususnya badan-badan korporat, industri, individu yang turut sama menyuburkan semangat membantu golongan yang memerlukan melalui *MyGift*. Saya yakin usaha anda ini adalah merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CRS) di samping melaksanakan tanggungjawab sosial kepada agama dan masyarakat.

Universiti atau kampus tempat menimba ilmu banyak mengukir kenangan dan memori terindah buat mahasiswa terutamanya yang bergelar alumni. Ibarat kata pepatah, 'tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain'. Di sini, saya ingin juga menyeru kepada warga alumni UMP agar marilah kita sama-sama suburkan usaha murni ini bagi tujuan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan seterusnya mengurangkan kebergantungan (atau beban) bagi kerajaan untuk sektor pengajian tinggi. Kesedaran dan komitmen untuk membalas budi, bak kata pepatah 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa' melalui sumbangan kepada alma mater melalui alumni wajarnya lahir dari budaya bersyukur dan berterima kasih. Marilah kita sama-sama suburkan, kumpul dan satukanlah dana.

Saya juga percaya dengan sokongan padu semua pihak mampu melonjakkan dan menjayakan usaha pengumpulan dana bagi membiayai aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, kebajikan pelajar, aktiviti dakwah, penajaan Kursi Profesor, penerbitan, pembangunan fasiliti dan sebagainya selaras dengan tema "Memasyarakatkan Teknologi".

Sekian, wassalam.

Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang

Kata Alu-aluan Naib Canselor



Salam 1Malaysia.

Taraf Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah Universiti Awam (UA) sama sekali tidak mengecualikannya daripada kewajipan untuk meringankan beban kewangan kerajaan dengan mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan awam semata-mata.

Kejayaan pelaksanaan instrumen endowmen di universiti-universiti terkemuka seluruh dunia telah menginspirasi barisan kepimpinan UMP untuk menampilkan inisiatif *MyGift* sebagai model penerokaan dana alternatif bagi maksud tajaan pengajian, pengembangan kualiti pendidikan dan peningkatan kesejahteraan mahasiswa secara keseluruhannya.

Untuk itu, sebanyak sepuluh bentuk endowmen atau tabung telah dikenal pasti dalam kerangka pelaksanaan inisiatif *MyGift* di universiti ini iaitu Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan, Endowmen Kecemerlangan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah. Di bawah pemantauan Lembaga Pemegang Amanah *MyGift*, aspek tatakelola inisiatif ini diberikan perhatian yang serius bagi memastikan dana terkumpul disalurkan kepada penerima manfaat berdasarkan kriteria yang dibangunkan khusus bagi maksud tersebut.

Justeru, barisan kepimpinan Universiti ini meletakkan harapan yang tinggi untuk mengumpul sebanyak mungkin sumbangan kewangan daripada para dermawan demi kelestarian ekosistem *MyGift* sebagai pemacu perkembangan universiti ini khasnya dan masyarakat amnya secara berterusan, ibarat sedekah jariah yang sentiasa mengalir manfaatnya.

Sehubungan itu, barisan kepimpinan UMP di peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah konstruktif sejajar dengan semangat pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 dan agenda semasa kerajaan dalam memastikan kejayaan inisiatif ini secara holistik melalui penglibatan pihak awam, swasta, orang perseorangan, warga dan alumni universiti ini secara proaktif dan berterusan.

Insya-Allah, dengan komitmen, sokongan dan dukungan pelbagai pihak tersebut, *MyGift* bukan sahaja berupaya menambah nilai kepada kelestarian kewangan Universiti ini, malah turut boleh diteladani modelnya di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa pada masa hadapan.

Salam hormat.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang

ATUR CARA

**MAJLIS SANTAPAN/JAMUAN MALAM
SEMPENA PELANCARAN MYGIFT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
DISEMPURNAKAN OLEH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG**

1 Oktober 2016 (Sabtu), 8.00 Malam
Grand Ballroom, Mandarin Oriental Hotel,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- 7.00 malam : Ketibaan Tetamu
: Ketibaan Pengurusan Universiti
: Ketibaan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
: Ketibaan Ahli Lembaga Pemegang Amanah *MyGift* UMP
: *Networking Session*
- 7.25 malam : Ketibaan Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim,
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
- 7.30 malam : Ketibaan Yang Hormat Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang
- : Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Asma Ismail
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
- : Ketibaan Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
- : Ketibaan Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
- 8.15 malam : Ketibaan Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh dan Isteri
Menteri Pendidikan Tinggi
- 8.20 malam : Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob dan Isteri
- 8.25 malam : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia
Tengku Mahkota Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan
Pahang

- 8.30 malam
- : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom
 - : Nyanyian Lagu 'Allah Selamatkan Sultan Kami'
 - : Persembahan Ucapan oleh Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
 - : Persembahan Montaj
 - : Pelancaran *MyGift* disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang
 - : Penyerahan Sumbangan oleh Badan Korporat dan Industri disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang
 - : Pengurniaan Biasiswa Pelajar oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang
 - : Majlis Santapan/Jamuan Malam diiringi dengan Persembahan Pentas
 - : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang berangkat Meninggalkan Majlis diiringi Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
 - : Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri Meninggalkan Majlis
 - : Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan Isteri Meninggalkan Majlis
 - : Bersurai



MyGift UMP

MyGift Universiti Malaysia Pahang (UMP) mula membuka langkah ketika tahun 2015 yang ditakrifkan sebagai satu usaha mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi tujuan tajaan pelajaran, peningkatan mutu pelajaran yang sedia ada, memperkasakan program-program Islamik dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan.

Idea mengenai endowmen ini timbul hasil daripada menghadiri Seminar *World University Forum* di Amerika Syarikat pada penghujung tahun 2014. Satu jawatankuasa sementara telah dibentuk dan digerakkan untuk merangka dan membangunkan sistem serta portal program *MyGift*.

Kesedaran Strategik

Portal *MyGift* UMP dibangunkan dan telah menjadi medium untuk orang ramai mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci mengenai endowmen yang terdapat di dalam *MyGift* dan sekaligus dapat menyumbang secara atas talian. Portal *MyGift* ini merupakan satu strategik yang baik, mudah dan pantas dalam mengumpul dana yang mesra pelanggan.

Endowmen dan Tabung



Endowmen Biasiswa Pelajar

Membantu para mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan bagi menamatkan pengajian di peringkat universiti. Di samping itu juga, dana ini turut dapat menyokong para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi di UMP serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti program-program keilmuan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.



Endowmen Kemudahan/Fasiliti

Endowmen ini diwujudkan bagi membiayai kos pembinaan dan peralatan saintifik seperti membangunkan makmal atau menaja makmal yang sedia ada. Tabung endowmen ini juga bertujuan agar lebih ramai mahasiswa dapat menikmati kemudahan yang disediakan, selain menyediakan pelbagai prasarana untuk merencanakan aktiviti akademik di universiti seperti makmal termaju dan geran penyelidikan.



Endowmen Kursi

Dana atau derma dari pertubuhan atau yayasan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti bagi menjalankan aktiviti seperti wacana ilmiah, akademik, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti.

Endowmen ini boleh digunakan untuk membayar gaji profesor ternama dan menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang bagi menjalankan pendidikan dalam bidang berkaitan.



Endowmen Kecemerlangan

Pemberian insentif atau hadiah kecemerlangan kepada mahasiswa yang mencapai keputusan yang cemerlang di Majlis Konvokesyen UMP.

05



Tabung Komuniti

Diwujudkan sebagai dana semua aktiviti yang merapatkan jurang antara masyarakat dan komuniti universiti. Pelbagai program direka khusus bagi pemindahan ilmu dalam bidang pendidikan, penyelidikan, pengkomersialan, dan keusahawanan termasuk memasyarakatkan universiti.

06



Tabung Ramadan

Dijalankan sepanjang bulan Ramadan dan Syawal untuk mengumpul dana sumbangan daripada seluruh warga universiti meliputi staf, mahasiswa, alumni, individu, dan syarikat korporat bagi meningkatkan Tabung Endowmen selaras dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya melakukan amal jariah sempena bulan yang mulia.



Tabung Masjid

Diwujudkan bagi pembangunan dan aktiviti masjid dalam memenuhi keperluan umat Islam secara menyeluruh terutama yang melibatkan inisiatif bagi mengimarahkan sesebuah masjid.



Tabung Bencana

Membantu mangsa-mangsa yang menghadapi bencana seperti bencana banjir, kebakaran atau kemusnahan harta benda disebabkan malapetaka. Bantuan ini diharap dapat meringankan bebanan mereka sama ada dalam bentuk wang ringgit mahupun barangan.



Tabung Wakaf

Ditujukan kepada individu atau syarikat korporat yang sudi menyumbangkan peralatan, kemudahan, kenderaan dan wang tunai bagi tujuan wakaf.



Tabung Tidak Patuh Syariah

Wang yang disumbangkan melalui terma tidak patuh syariah, akan digunakan untuk masahah-masahah umum seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya di UMP.

Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Kebajikan

- *Food For Needy*
- Penajaan Biasiswa
- Insentif Pendidikan
- Penyediaan Awal Banjir
- Iftar Jamie Ramadan
- Bantuan Zakat
- Jejak Asnaf
- Asnaf - *Back to School*
- Singgah Sahur; Gelandangan
- Kem Ibadah
- Dakwah Ummah
- Bubur Jumaat
- *Free Market*
- Projek Kongsi Rezeki
- I Bantu
- Projek Kongsi Rezeki
- Khidmat Komuniti MINDS
- Perkongsian Pintar; Sekolah Menengah dan Rendah
- Mobiliti Pelajar; Asean, Mesir, US, dan Jepun
- Misi kemanusiaan; Aceh, Kemboja, dan Vietnam

Aktiviti Mengumpul Dana

- Kejohanan Golf Amal *MyGift* UMP 2016
- Ramah Mesra UMP - Industri
- Tabung Ramadan
- Sumbangan Alumni
- Pelancaran *MyGift* oleh KDYMM Sultan Pahang.

Inisiatif *MyGift* dalam Pelan Strategik

- Lonjakan Kedua: Kelestarian Kewangan melalui pengumpulan dana
- Lonjakan Keempat; Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran melalui program-program CSR UMP
- Lonjakan Kelima; Keunggulan Jenama melalui menjenamakan UMP di luar dan dalam negara.

Sasaran Penerima Manfaat

- Golongan yang terlibat dalam bencana alam dan miskin
- Pelajar miskin
- Pelajar Cemerlang
- Pelajar yang perlukan didikan agama
- Warga emas

FAKTA ENDOWMEN BIASISWA PELAJAR

Penajaan Biasiswa Kepada Pelajar Miskin Cemerlang

UMP akan menawarkan biasiswa kepada pelajar miskin yang cemerlang bagi membantu mereka dalam pembelajaran di UMP dan di peringkat yang lebih tinggi. Penajaan ini meliputi yuran pendidikan, asrama dan sara diri mengikut program sepanjang pengajian.

Pemberian Insentif Pendidikan

Pemberian Insentif sebanyak RM1,000 kepada bakal mahasiswa yang mengalami masalah kewangan dan ingin melanjutkan pelajaran di UMP. Ia sedikit sebanyak membantu mereka dalam pembayaran yuran atau sara diri untuk pembelajaran di UMP.

FAKTA KEBAJIKAN PELAJAR DAN KOMUNITI

Projek Kongsi Rezeki RM1

Program Kongsi Rezeki ini dijalankan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan kerjasama kafeteria universiti dengan menyediakan pek makanan untuk diagihkan kepada para pelajar UMP di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan khususnya yang merasakan diri mereka mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan layak untuk menerima manfaat ini.

Sarapan Percuma

Inisiatif Sarapan Percuma daripada Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA) dalam membantu mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan

Jejak Asnaf Fakir Miskin

Inisiatif Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dalam membantu keluarga mahasiswa dan komuniti yang kurang berkemampuan.

Ziarah Prihatin

Inisiatif Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (Alumni UMP) dalam membantu komuniti dan keluarga miskin menyampaikan sumbangan bagi mengurangkan beban dan membantu mereka yang tidak berkemampuan.

KRONOLOGI INISIATIF MYGIFT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG


2013

Bencana banjir yang melanda Semenanjung Malaysia terutamanya di Pantai Timur bukan sahaja memusnahkan penempatan penduduk malahan turut menjejaskan sekolah dan kemudahan awam yang lain.



Justeru, seramai 8,676 orang sukarelawan Universiti Awam (UA) terlibat dalam operasi bantuan yang diselenggarakan melalui Bilik Kawalan Operasi Bencana (BKOB) UMP. Melalui Jawatankuasa Bertindak Bencana Peringkat Universiti ini juga UMP melancarkan beberapa program sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir negeri Pahang dan Pantai Timur antaranya program 1 Staf 1 Bantal yang dijalankan pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari), 1 Makmum 1 Sejadah dan Dana Wakaf Rumah Kontena yang dijalankan UMP dengan kerjasama UMP Innovest Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat UMP Holdings Sdn. Bhd.

Sebanyak RM 58,185.35 sumbangan wang tunai, 100 tan sumbangan makanan dan sumbangan UMP berjumlah RM 10,000 kepada Tabung Bantuan Banjir disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.



Perkongsian Pintar antara universiti dalam Seminar World University Forum di Georgio, Savannah yang telah dihadiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mencetuskan idea penubuhan endowmen sebagai saluran sumbangan endowmen universiti untuk tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.

**2 - 5 Februari
2015**

Lawatan Penanda Aras
di Universiti Teknologi
Malaysia (UTM).

10 Mei 2015



11 Mac 2015

Penubuhan Jawatankuasa Sementara Endowmen dalam melakar dan menghasilkan inisiatif endowmen dan penamaan *MyGift* sebagai jenama.

Lawatan Penanda aras
di Universiti Malaya
(UM) dan Universiti
Putra Malaysia (UPM).

8 Jun 2015



Bengkel MyGift 'Polisi, Promosi,
Strategi' di Hotel Royale Chulan
Kuala Lumpur yang dihadiri oleh
Pengurusan Tertinggi Universiti,
Dekan dan Pengarah.

14 - 16
Ogos 2015

22 Jun 2015

Pelancaran Portal *MyGift* UMP.



29
September
2015

Penyerahan Inisiatif
MyGift kepada
Jabatan Hal Ehwal
Korporat & Kualiti
(JHKK), UMP.



Pra-Pelancaran *MyGift* sempena Expoconvo UMP 2015 oleh ahli Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib di UMP Kampus Gambang.

**17 Oktober
2015**



Sumbangan *MyGift* sempena bulan Ramadan berjumlah RM 90,000.00 bagi aktiviti Iftar dan sahur kepada warga UMP.

17 Mei 2016

**10 Mei
2016**

Pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) *MyGift*.



1 Jun 2016

Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (LPA) *MyGift* kali pertama di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.





Majlis Apresiasi Autonomi dan MyGift di Hotel Ancasa Royale, Pekan, Pahang. Sumbangan daripada Pusat Tanggungjawab di UMP sebanyak RM1,807,727.09 dimasukkan ke dalam Endowmen Biasiswa Pelajar.

20 Julai 2016



Penyerahan bantuan Insentif Pendidikan RM1,000 kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan sempena kemasukan pelajar baharu sesi 2016/2017.

28 Ogos 2016

25 Ogos 2016

Majlis Ramah Mesra UMP-Industri di Seri Pasific Hotel, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh 50 industri di Malaysia.





Kejohanan Golf Amal *MyGift* UMP 2016 di Mahkota Golf & Country Club, Kuantan, Pahang.

17 September 2016

3 September 2016

Kejohanan Golf Amal *MyGift* UMP 2016 di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam Selangor.



1 Oktober 2016

Majlis Santapan/Jamuan Malam sempena Pelancaran *MyGift* Universiti Malaysia Pahang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur dan pengurniaan biasiswa kepada 11 orang mahasiswa UMP.

**10 orang pelajar baharu yang mendaftar di Universiti
Malaysia Pahang (UMP) menerima Skim Insentif
Bantuan Pendidikan daripada UMP**



Aktiviti-aktiviti MyGift UMP



KDYTM Tengku Mahkota Pahang berbuka puasa dengan warga UMP.



Jejak Asnaf Aidilfitri bersama KDYTM Tengku Puan Pahang.




MyGift UMP kumpul dana MyGift 1.8 juta untuk biasiswa pelajar.



Singgah Sahur@Kuantan.

Aktiviti-aktiviti MyGift UMP



Sukarelawan UMP edar juadah sahur untuk gelandangan dalam Program Singgah Sahur@KL.



Pra Asnaf Ramadan bantu keluarga ibu tunggal bersama lima anak.



Penghuni Perempuan Maahad Lii Aytam gembira terima sumbangan raya.



Program Bubur Lambuk UMP.

Aktiviti-aktiviti MyGift UMP



Ziarah Prihatin Ramadan bantu insan lain kurang berkemampuan. #AlumniUMP 2016



Food For All. #PIMPIN 2016



Majlis Ramah Mesra UMP-Industri.



MyGift sumbang RM90 ribu untuk aktiviti Ramadan 2016.

Aktiviti-aktiviti MyGift UMP



UMP terima sumbangan zakat BIMB sebanyak 30 ribu untuk bantu mahasiswa 2016.



Projek Kongsi Rezeki. #JHEPA 2016



Jejak Asnaf Kembali ke Sekolah bantu pelajar kurang berkemampuan 2016.



Misi kemanusiaan Aceh. #Matahari 2016



UMP Solar Traveller Kit bantu warga Taman Negara Kuala Koh, Kelantan. #FKEE 2016

Keratan Akhbar

42 setempat
18-09-2016

Kira-kira RM500,000 berjaya dikumpul menerusi Kejoanan Golf Amal UMP



Dana RM400,000 bantu ringkas beban pelajar UMP

Kejohanan Golf Amal UMP yang berlangsung di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di Banting, Selangor, telah berakhir dengan kejayaan. Ketua Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, berkata, kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar UMP mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain dalam pertandingan golf. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua peserta dan jurang pertandingan. Prof. Daing Nasir Ibrahim berkata, dana RM400,000 yang dikumpulkan akan digunakan untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan. Beliau juga berkata, kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar UMP mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain dalam pertandingan golf.



DAING NASIR IBRAHIM (tengah), Ayub Rosdi Zaimun (kiri) dan Bushdan UMP. Zaimun dan Ibrahim bersama-sama menerima hadiah kejohanan Golf Amal UMP untuk mengumpulkan dana MyGift UMP.

UTUSAN MALAYSIA (Cyberjaya, 18 Sept 2016) MYG 21
UMP anjur kejohanan golf amal kumpulan dana biasiswa pelajar

UMP lulus biasiswa RM400,000 kepada penuntut berkelayakan

KUANTAN 17 Sept. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 menerusi program MyGift kepada penuntutnya bagi meringankan beban mereka dalam menampung kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian. Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, biasiswa berkenaan diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan tawaran penuntut akan menerima kriteria utama iaitu prestasi tinggi serta kurang berkemampuan. "Biasiswa ini adalah bagi menampung kos yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP. Saya yakin sumbangan ini dapat meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita sempena Kejohanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini hari ini. Penganturan kejohanan siti kedua ini bertujuan memantapkan



DAING NASIR IBRAHIM

siliti dan kualiti akademik di UMP; katanya dalam satu kenyataan di sini. Kejohanan tersebut akan diadakan di dua lokasi iaitu pada 3 September di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam, Selangor, manakala pada 12 September pula di Mahkota Golf & Country Club, Kuantan, Pahang. Sementara itu, Pengarah Program, Dr. Ayub Rosdi Zaimun berkata, setiap pernyatan dilaksanakan yuran RM3,000 seorang manakala yuran satu flight pula RM10,000 yang merupakan kos pengangkutan dalam, kereta buggy dan insurans. "Sumbangan daripada program ini juga akan dimanfaatkan oleh pihak universiti bagi tujuan penganturan, peningkatan

UMP anjur larian kumpul dana MyGift



Naib Canselor UMP Prof. Daing Nasir Ibrahim bersama jurang pertandingan Kejoanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club di Banting, Selangor.

● Pendaftaran dibuka kepada orang ramai sehingga 1 tengah hari, 21 September

UMP meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 kepada penuntutnya bagi meringankan beban mereka dalam menampung kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian. Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, biasiswa berkenaan diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan tawaran penuntut akan menerima kriteria utama iaitu prestasi tinggi serta kurang berkemampuan. "Biasiswa ini adalah bagi menampung kos yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP. Saya yakin sumbangan ini dapat meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita sempena Kejohanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini hari ini. Penganturan kejohanan siti kedua ini bertujuan memantapkan



UMP terkenal MyGift untuk kebajikan siswa

UMP terkenal MyGift untuk kebajikan siswa

UMP terkenal MyGift untuk kebajikan siswa. Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, biasiswa berkenaan diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift dan kumpulan tawaran penuntut akan menerima kriteria utama iaitu prestasi tinggi serta kurang berkemampuan. "Biasiswa ini adalah bagi menampung kos yuran pengajian dan perbelanjaan sara hidup sepanjang belajar di UMP. Saya yakin sumbangan ini dapat meringankan beban mereka," katanya kepada pemberita sempena Kejohanan Golf Amal UMP di Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini hari ini. Penganturan kejohanan siti kedua ini bertujuan memantapkan

Keratan Akhbar

Mahasiswa perlu memanfaatkan kehidupan kampus

UTARAN MALAYSIA 07/01/2016 **M/S 32**

KUALANTAN 6 Sept. - Golongan mahasiswa dianjurkan supaya memanfaatkan sepenuhnya kehidupan kampus untuk membentuk peribadi unggul dan tahap intelektual tinggi bagi menjadi insan yang boleh berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

Nab Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) Prof. Datuk Dr. Daig Nair Ibrahim berkata, mahasiswa sewajarnya meneliti tahap kesiaprasaian mental dan faail masing-masing dalam menentukan kecemerlangan prestasi di universiti.

Kita belajar, hal demikian kerana realiti pasaran pekerjaan dituntut semakin kompetitif olehan iklim pengajian tinggi yang semakin mencabar.

"Persebaran mahasiswa dalam aktiviti kesekolahan juga amat penting dalam konteks menempuk jiwa prihatin," katanya pada Majlis Amanat Nab Canselor UMP dan Lafaz Rikar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Pelajar Baharu di Kompleks Sukan UMP di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Timbalan Nab Canselor (Hal Bawah Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yusertie Zaimuddin, Timbalan Nab Canselor (Pembelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr. Masliyah Yusoff, Penolong Nab Canselor (Hal Bawah Korporat dan Kualiti) UMP, Prof. Datuk Dr. Izzah Ismail dan Penfauter universiti berkenaan, Abd. Haris Majid.

Pada majlis tersebut, seramai 1,960 mahasiswa baharu UMP dan 274 mahasiswa program diploma hadir membuka tirai yang dikenali pelajar Paksi Keparuteraan Mekaniikal, Zairil Athiq Mohd. Zailani.

Dalam pada itu, Daig Nair berkata, buat pertama kalinya UMP memperkenalkan biasiswa kepada mahasiswa baharu yang melanjutkan pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda bagi sesi 2016/2017.

"Pelajar yang memenuhi kriteria, syarat-syarat kelulusan asas dan kelayakan yang ditetapkan universiti layak untuk memohon dan menerima bantuan yuran pengajian pada semester ini," katanya.

DAIG NAIIR IBRAHIM bersama penerima manfaat Skim Bantuan Insentif Pendidikan yang diperkenalkan buat kali pertama untuk membantu mahasiswa yang memerlukan pada sesi pendaftaran tahun ini.

HINGGAHAN MALAYSIA 4/9/2016
CLUBNA HOJUNA HINGGAHAN **M/S 2**

GOLF AMAL UMP

PENGIRISAN Lapangan Pengajian Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Suri Mohd. Hameed Mohd. Taha (tengah), serta Nab Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daig Nair Ibrahim (sambutan dari kiri) bergabung bersama para pemah dalam Kejuhan Golf Amal UMP UMP di Glenmarie Golf and Country Club, Shah Alam semalam. - **HINGGAHAN/UTARAN MALAYSIA**

4 September 2016 **ALHAB** **M/S 24**

PENDIDIKAN

UMP lulus biasiswa MyGift RM400,000

Pemberian bantuan kewangan kepada pelajar

UMP menerima bantuan kewangan sebanyak RM400,000 daripada MyGift untuk membantu mahasiswa yang memerlukan pada sesi pendaftaran tahun ini.

Daig Nair Ibrahim berkata, bantuan kewangan ini akan membantu mahasiswa yang memerlukan untuk melanjutkan pengajian di UMP.

MyGift merupakan program kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu mahasiswa yang memerlukan.

Daig Nair Ibrahim berkata, bantuan kewangan ini akan membantu mahasiswa yang memerlukan untuk melanjutkan pengajian di UMP.

MyGift merupakan program kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu mahasiswa yang memerlukan.

4 September 2016 **ALHAB** **M/S 24**

PENDIDIKAN

UMP buktikan mampu jana dana sendiri

perolehan RM400,000 (RM400,000)

MyGift inisiatif kewangan elak bergantung peruntukan kerajaan

UMP membuktikan bahawa ia mampu jana dana sendiri untuk membantu mahasiswa yang memerlukan.

Daig Nair Ibrahim berkata, bantuan kewangan ini akan membantu mahasiswa yang memerlukan untuk melanjutkan pengajian di UMP.

MyGift merupakan program kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu mahasiswa yang memerlukan.

Daig Nair Ibrahim berkata, bantuan kewangan ini akan membantu mahasiswa yang memerlukan untuk melanjutkan pengajian di UMP.

MyGift merupakan program kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu mahasiswa yang memerlukan.

Senarai penyumbang untuk Tabung MyGift UMP



**PROF DR MASHITAH
BINTI MOHD YUSOFF**

**Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal**

**Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan**

**Fakulti Pengurusan
Industri**

**Fakulti Teknologi
Kejuruteraan**

**Fakulti Sistem Komputer
& Kejuruteraan Perisian**

**Pusat Bahasa Moden &
Sains Kemanusiaan**

**Fakulti Kejuruteraan
Kimia & Sumber Asli**

**Jabatan Hal Ehwal
Pelajar & Alumni**

AHLI JAWATANKUASA

PENAUNG

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Daing Ibrahim
Naib Canselor

PENGERUSI

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

TIMBALAN PENGERUSI I

Encik Abd. Hamid Majid
Pendaftar

TIMBALAN PENGERUSI II

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail
Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)

SETIAUSAHA

Encik Saiful Bahri Ahmad Bakarim

BENDAHARI

Encik Iskandar Salehuddin

JAWATANKUASA:

PROTOKOL

Encik Saiful Bahri Ahmad Bakarim
Encik Mohd Raizalhilmy Mohd Rais
Encik Zaizi Azwan Mat Yassin
Encik Darolhisam Darus

JEMPUTAN, SAMBUTAN DAN PENGINAPAN

Puan Nurul Mardhiah Mahusin
Encik Mohd Hafiz Mamat Izaha

LOGISTIK

Encik Marzuki Mokhtar
Encik Wallid Wahidi Hamzah

PROMOSI DAN PUBLISITI

Puan Mimi Rabita Abd Wahit
Puan Nor Salwana Hj Mohammad Idris

JAMUAN

Puan Hazlina Faizal

TEKS UCAPAN

Encik Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain

PENERBITAN

Puan Safriza Baharuddin
Cik Nur Hartini Mohd Hatta
Encik Mohd Zulkifly Hamzah

VIDEOGRAFI DAN FOTOGRAFI

Encik Azman Md Diah
Encik Mohd Rizal Ismail

PERSEMBAHAN DAN KEBUDAYAAN

Encik Abd. Rahman Haji Safie
Encik Mohd Zaki Ahmad

JUALAN MEJA

Yang Hormat Dato' Jeffrey Khor Chooi Beng (Ketua)
Encik Sulaiman bin Baniyamin@Steven Andrew Khalid
Encik Kasran Abdullah

KESELAMATAN

Encik Zahari Muda
Encik Mohamad Najid Haji Saat

KESIHATAN

Dr. Khairul Salleh Abdul Basit

TEKNIKAL DAN ICT

Encik Roslan Awang Abdul Rahman
Encik Ariff Ariffin

TUGAS-TUGAS KHAS

Encik Muhamad Tasyrif Ghazali
Puan Kartina Johan@Rahmat
Dr. Mohd Bijarimi Mat Piah
Puan Azlina Abdul Mubin

PENGACARA MAJLIS

Encik Anuar Abdul Aziz

SEKRETARIAT

Encik Mohd Jamil Mohd Ja'afar
Encik Wan Nor Hamdy Wan Mohd Nowalid

MENJUNJUNG KASIH

Universiti Malaysia Pahang menyembah ucapan setinggi-tinggi junjung kasih atas
limpah perkenan

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH**

DKP., DK., DKM., SSAP, SIMP, DMN., DK (Perak)., DK (Johor)., DK (Kelantan)., DK (Terengganu)., DK (Perlis).,
DK (Kedah)., DKMB., DK (Brunei)., DK (Negeri Sembilan)., DK (Selangor)., Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi
Arabia)., Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait)., Grand Order of The Mugunghwa (South Korea)., Hon.
D.Litt. (Malaya)., LLD. hc. (Northrop USA)., Hon. D.Sc. (Bedfordshire, UK)., Hon. PhD. (Civil Engineering)
(Universiti Malaysia Pahang)

dan

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG
TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN
BILLAH**

DK., SSAP, SIMP, DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ., PAT.
Canselor Universiti Malaysia Pahang

berangkat ke

Majlis Santapan/Jamuan Malam sempena Pelancaran *MyGift*
Universiti Malaysia Pahang.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP)
dengan sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada:

**Pejabat KDYMM Sultan Pahang
Pejabat KDYTM Tuanku Canselor UMP
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Para Penyumbang (Badan-badan Korporat, Industri dan Individu)
Rakan Media
Warga UMP**

dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung
dalam menjayakan majlis ini.

PERPUSTAKAAN



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

ALLAH
RAJA
NEGERI

H
ULTAN KAMI

